

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 FEB 2015

Siasat, buru dalang sabotaj ekonomi: Tun M

» *BNM digesa kesan individu jatuhkan nilai mata wang*

Oleh Faiza Zainudin dan Siti Azila Alias
bhnews@bh.com.my

► **Kepong**

Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa pihak berkepentingan, termasuk Barik Negara Malaysia (BNM) segera mengesan individu yang didakwa cuba mensabotaj ekonomi negara dengan menjatuhkan nilai ringgit-

Bekas Perdana Menteri berkata, bank pusat itu boleh menjalankan siasatan dan kajian teliti, termasuk mengesan pelaku serta kaitannya dengan spekulator mata wang, termasuk George Soros.

"Kita (BNM) kena kaji duit itu dijual di mana, jatuh riilai mata

wang ini sebab penjualan dilakukan dengan mendadak dan kerap, baru jatuh mata wang.

"Kita kena cari, betul ke dia jual mata wang, buat kajian sama ada mempunyai hubungan baik dengan Soros atau siapa. Dulu nilai mata wang jatuh sebab dagangan mata wang asing peringkat antarabangsa," katanya pada sidang media selepas meletakkan plak warisan kebangsaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, semalam.

Kooi Ong nafi dakwaan Sebelum ini, satu laman blog yang menggunakan sumber didakwa dari BNM, mendakwa pemilik The Edge Media Group, Datuk Tong Kooi Ong membuat jualan singkat ke atas ringgit membabitkan AS\$1.4 bilion (RM5.04 bilion) melalui proksi pada Ogos 2014 dan bulan lalu.

Bagaimanapun, Kooi Ong menafikan dakwaan itu menerusi kenyataan media, baru-baru ini. Menerusi jualan singkat, pedagang dan pelabur mata wang dikatakan menjual ringgit apabila

noainya tinggi dan membelinya semula ketika nilainya rendah.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata siasatan perlu dilakukan berikutan individu itu sebelum ini kerap melakukan teguran terhadap dana pelaburan utama negara, IMalaysia Development Bhd (IMDB).

"Kena siasat betul atau tidak, adakah kerana dia (Kooi Ong) tegur berkenaan IMDB, balasannya orang tuduh dia yang jatuhkan nilai mata wang. Kalau dia tak tegur IMDB, kalau dia bagi jatuh mata wang pun tidak mengapa," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Pertubuhan Pakatan IMalaysia (PSIM), Zulkifly Sharif turut meminta polis menjalankan siasatan menyeluruh terhadap dakwaan berkenaan.

Beliau bersama-sama 10 ahli PSIM yang membuat laporan di Balai Polis Sentul berkata, kegiatan itu perlu dibendung pada peringkat awal bagi mengelak berlakunya kegawatan ekonomi, seperti yang pernah dialami negara pada 1998.



Dr Mahathir menanam pokok sambil diperhatikan Ketua Pengarah FRIM, Datuk DrAbd LatifMohmod (kiri) di FRIM, semalam.

[FoTo ABDULLAH YIISO/BH]